

BENGKEL PENAMPILAN HEBAT RIAS 2005

Buat Wanita Prihatin Gaya & Imej

PENAMPILAN wanita tidak sempurna tanpa perhiasan dan soleknya. Lebih daripada itu, keperibadian yang menawan tentu sahaja saling melengkapi imej yang hebat dan dituntut masyarakat.



Zulfazli menurunkan petua sambil menyolek salah seorang peserta bengkel.

Begitu pun, sebab terlalu ghairah bergaya, ramai wanita sering terpedaya kepada perhiasan dan alat solek, lalu menganggapnya satu keutamaan mutlak dalam membentuk imej yang berkesan. Paling sedih bila ada yang mengetepikan kepentingan keperibadian mulia dan etika sosial yang sesuai, semata-mata kerana mereka beranggapan penampilan luaran sudah mencukupi untuk membuat mereka tampil sempurna.

"Sungguh malang jika ada wanita yang begitu. Pakai baju cantik, bersolek dan bersosial perlulah selari mengikut adab serta mengikut etika tuntutan," kata Wendy Lee, perunding imej dari Chapter One yang mengendalikankan sesi penampilan dari hujung rambut ke hujung kaki pada Bengkel Penampilan Hebat RIAS tidak lama dahulu.

Namun, pada sesinya, Wendy amat menekankan kepentingan kehar-

monian warna pakaian, perhiasan diri dan betapa besarnya pengaruh penampilan tersebut kepada kerjaya serta penampilan seharian seseorang.

"Sebab itu saya selalu katakan, jangan pandang remeh aksesori seperti rantai, anting-anting, jam tangan, kasut dan beg kerana ia bukan sahaja pelengkap kepada gaya anda, tetapi menampilkan satu identiti dan individualiti pada imej anda. Malah jika anda bijak menggunakannya, ia mampu meletakkan anda ke satu tahap penerimaan yang di luar dugaan," katanya.

Beliau percaya, aksesori bukan sahaja berupaya menyerikan penampilan tetapi jika bijak menggunakannya, ia boleh dijadikan 'alat' untuk memainkan peranan membentuk watak seseorang. Di sinilah katanya warna, bentuk, ukuran dan gaya aksesori memainkan peranan melengkapi gaya di samping membentuk imej positif yang diinginkan.

"Walaupun anda ahli korporat, ia tidak bererti anda tidak boleh bergaya feminin dan mesti tampil serius. Aksesori, contohnya pin dada, beg dan kasut yang sesuai, mampu memberi imej serius tetapi menawan dan bergaya. Yang penting anda masih nampak positif dan berkeyakinan."

LEKA BERSOLEK DENGAN ZULFAZLI

Mengisi sesi bersolek pada petang itu ialah jurusolek terkenal Zulfazli Suhadi. Pada bengkel tersebut, Zulfazli telah menurunkan beberapa petua bagaimana bersolek untuk ke pejabat dan untuk majlis formal.

Menurut Zul, bersolek adalah satu lagi sudut yang sentiasa menjadi tarikan dalam penampilan wanita dan sebab itulah setiap wanita perlu tahu menggunakan alat solek dengan betul, menggunakan teknik-teknik solekan yang tepat bersesuaian tempat dan majlis. Dalam sesi selama lebih dua



Gambar kenangan.



Peserta sibuk mencuba barangan perhiasan diri daripada Manja Queen.

jam itu, beliau telah menggunakan barangan alat solek terkenal Maybelline.

Memandangkan betapa pentingnya menampilkan peribadi yang menarik dengan etika sosial yang sempurna untuk melengkapi imej dan sesuai, objektif asal 'Bengkel Penampilan Hebat RIAS 2005' yang bertujuan membimbing wanita tampil hebat dan berkeyakinan tinggi tidak mengira apa jua bidang yang mereka ceburi, satu sesi ringkas etika bersosial dan tertib di meja makan juga disentuh di dalam bengkel tersebut oleh Mahani Awang.

Secara ringkas, peserta diberi bimbingan etika di majlis yang berbeza-beza seperti koktel, bufet dan bagaimana menggunakan peralatan hidangan untuk majlis meja rasmi. Apa yang ditekankan ialah jangan berasa rendah diri jika tidak tahu menggunakan pisau, sudu garpu atau gelas yang kadangkala terdapat lebih daripada dua di meja makan kerana ia bukan budaya kita.

Apa yang diperolehi para peserta pada penghujung hari, tentulah pengetahuan yang berguna tentang kaitan pakaian, perhiasan, solekan juga tertib, yang mana setiap satu memainkan peranan saling melengkapi imej seorang wanita sempurna.

Di samping itu, peserta seronok membawa pulang cenderahati berupa beg dan majalah RIAS, barangan kecantikan Nivea dan bagi yang bertuah membawa pulang hadiah istimewa untuk cabutan nombor bertuah bagi kategori 'pakaian paling menarik', 'pendaf-tar terawal', 'paling beretika' di meja makan dan 'juara solek' untuk kumpulan yang menyolek paling bagus mengikut kaedah dan petua yang diberikan. **H**